

Media Title : Utusan Borneo Sarawak  
Headline : Wanita rugi RM200,000 terperdaya 'phone scam'  
Date : 14 October 2024  
Section : Tempatan  
Page : 7



# Wanita rugi RM200,000 terperdaya 'phone scam'

Mangsa buat laporan polis selepas sedar ditipu suspek menyamar wakil Unit Komunikasi Multimedia

Oleh Mohamad Norhadie Sahari

**MIRI:** Seorang penjawat awam wanita di sini kerugian kira-kira RM200,000 selepas terperdaya dengan 'phone scam' oleh sindiket yang menyamar sebagai wakil Unit Komunikasi Multimedia.

Pesuruhjaya Polis Sarawak Dato Mancha Ata berkata, mangsa yang berusia 20-an itu membuat laporan polis selepas menyedari ditipu suspek.

Padahujung September lalu

**“ Suspek memberitahu bahawa nombor telefon mangsa disalah guna dan terlibat dalam kegiatan perjudian dalam talian di sekitar Kuching, Sarawak. ”**

Dato Mancha Ata  
Pesuruhjaya Polis Sarawak

katanya, mangsa mendakwa seorang individu iaitu suspek memperkenalkan diri sebagai wakil daripada Unit Komu-

nikasi Multimedia.

“Suspek memberitahu bahawa nombor telefon mangsa disalah guna dan terlibat

dalam kegiatan perjudian dalam talian di sekitar Kuching, Sarawak.

“Setelah itu, mangsa diajar menghubungi seorang individu iaitu suspek yang menyamar sebagai pegawai polis dan mangsa berurus dengan suspek melalui aplikasi WhatsApp,” katanya dalam satu kenyataan media di sini kelmarin.

Menurutnya, suspek mendakwa mangsa terlibat dengan kes judi dan pengubahan wang haram serta

meminta mangsa memberi kerjasama dalam siasatan sedang dijalankan.

“Mangsa terperdaya melakukan beberapa transaksi wang secara berperingkat ke dalam akaun bank diberikan oleh suspek.

“Suspek memindahkan lebih kurang RM200,000 untuk mengelak dirinya ditangkap polis,” jelasnya.

Sehubungan itu, Macha menasihati orang awam agar tidak melayan panggilan telefon atau mesej daripada orang tidak dikenali serta tidak membuat sebarang pembayaran kepada individu atau mana-mana pihak tidak dikenali.

Orang ramai boleh menghubungi National Scam Response Center (NSRC) di talian 997 jika menjadi mangsa penipuan siber (phone scam, love scam, e-dagang, pinjaman tidak wujud dan sebagainya) dan sekiranya baru sahaja membuat transaksi pemindahan wang ke mana-mana akaun bank atau e-wallet suspek.